

31 MAY 2003

Musa-Pelan

SABAH RANCANG PELAN LAKSANA PAKEJ EKONOMI

PENAMPANG, 31 Mei (Bernama) -- Kerajaan negeri Sabah sedang merangka pelan tindakan bagi memastikan pelaksanaan berkesan pakej ekonomi yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketua Menteri Datuk Musa Aman berkata pelan itu bertujuan memastikan penyaluran bantuan yang lancar kepada sektor-sektor yang memerlukannya.

Beliau berkata pakej ekonomi yang diumumkan itu bersifat komprehensif dengan mengambil kira masalah yang dihadapi oleh para pengusaha industri, peniaga dan semua golongan rakyat.

Berucap pada majlis penutupan Tadau Kaamatan peringkat negeri di sini hari ini, Musa berkata rakyat hendaklah menggembelng tenaga secara bersungguh-sungguh untuk memanfaatkan segala bantuan yang diberi oleh kerajaan dan mengambil peranan proaktif agar peluang yang tersedia menerusi pakej itu dapat digunakan secara berkesan.

"Pakej ini adalah bertujuan untuk merangsang ekonomi. Oleh itu, janganlah ada di antara kita yang akan menyalahgunakan bantuan ini," katanya.

Sementara itu, Musa berkata Tadau Kaamatan mampu membantu perkembangan sektor pelancongan negeri, khususnya dalam bidang pelancongan budaya.

"Pada hemat saya, dalam tempoh masa lima tahun, pengusaha-pengusaha (pelancongan) di negeri Sabah perlu mensasarkan serami 2.7 juta pelancong berjaya ditarik melawat negeri ini setiap tahun," katanya.

Kehadiran para pelancong juga akan membantu sektor perusahaan, khususnya industri dan perniagaan kecil-kecilan dan sederhana serta menyumbang kepada pembangunan negeri, katanya.

-- BERNAMA

MK MOZ